

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI PERASMIAN PERSIDANGAN DUA TAHUNAN YANG KE 17 KESATUAN
PERKHIDMATAN TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MTSU)

TEMPAT: HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 28 NOV 1983

MASA:

Dif-Dif Kehormat;
Ahli-ahli Jawatankuasa MTSU;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa MTSU kerana sudi menjemput saya berucap dan seterusnya merasmikan Persidangan Dua Tahunan yang ke 17 MTSU ini.

2. Keteguhan sesebuah negara amat bergantung kepada tumpuan dan minat yang diberikan oleh setiap golongan dan individu terhadap kepentingan negara dan kepentingan ramai. Di Barat, orientasi liberalisme dan sikap individualisme serta egoisme masyarakat yang menonjol, walaupun telah membawa kemakmuran dalam jangka pendek, sebaliknya telah mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat. Hari ini, oleh kerana setiap golongan merasakan merekalah yang penting dan kepentingan mereka mengatasi segala-gala yang lain, negara mereka tidak lagi dapat ditadbirkan dengan berkesan. Desakan dan tuntutan oleh pihak-pihak yang berkepentingan melemahkan jentera pentadbiran negara.

3. Di Barat kita lihat falsafah pertentangan atau 'confrontation' sebagai asas cara hidup bermasyarakat. Orientasi ini tidak banyak bezanya dengan 'dialectics' di dalam ideologi komunis. Yang berbeza ialah, di dalam konteks demokrasi liberal pertentangan digalakkan dan golongan-golongan berkepentingan mempunyai pengaruh yang besar hinggalah kepentingan ramai sanggup diketepikan. Satu peristiwa yang memberi gambaran tentang akibat falsafah 'confrontation' telah terjadi baru-baru ini di Belanda. Oleh kerana kemelesetan ekonomi, Kerajaan Belanda mengambil keputusan mengurangkan gaji pekerja awam, termasuk polis, sebanyak 6%. Pada satu hari Perdana Menteri Belanda diserang oleh beberapa orang kakitangan Kerajaan. Pihak polis yang ditugaskan untuk menjaga keselamatan Perdana Menteri cuma melihat tanpa menolong Perdana Menteri. Dalam sistem komunis pula, pertentangan tidak mempunyai tempat, dan semua pihak mesti mengikut kehendak pemerintah semata-mata -- walaupun pada teorinya kuasa berada di tangan pekerja atau rakyat, tetapi sebenarnya, kuasa sentiasa berada di tangan segolongan kecil yang tidak membenarkan sesiapa jua bersuara.

4. Kalau kita teliti, di negara kita, keutamaan ramai

sentiasa dipentingkan, dan kebebasan yang tidak menghalang kepentingan dan adat resam masyarakat sentiasa terjamin. Ini adalah cara yang mendatangkan manfaat kepada semua -- kepada individu dan juga kepada masyarakat.

Saudara-saudari sekalian,

5. Kemampuan dan potensi sesuatu masyarakat, sebahagian besarnya terletak kepada persefahaman dan semangat kerjasama. Bagi faedah dan manfaat semua, kita tidak harus melihat sesuatu dengan kaca mata konflik atau konfrontasi. Di sini saya anggap konflik sebagai tenaga yang disalurkan kepada sesuatu yang negatif, dan kerjasama atau persefahaman sebagai tenaga atau 'energy' yang disalurkan kepada sesuatu yang positif.

6. Itulah sebabnya falsafah hidup kita harus memberi keutamaan kepada kerjasama dan persefahaman. Konsep Persyarikatan Malaysia, misalnya, mencerminkan falsafah ini. Dalam hubungan perusahaan juga, konsep persefahaman dan kerjasama harus mengambil alih konsep 'dialectics' atau konfrontasi. Banyak manfaat yang akan dinikmati oleh semua pihak dengan falsafah dan konsep ini.

7. Konsep konflik hanya menjadikan pihak-pihak yang harus bekerjasama sebagai musuh -- yang satu meragui yang lain dan tidak mengambil kira kepentingan yang lain. Akhirnya, kedua-dua pihak juga yang rugi. Semua perkara menjadi masalah, dan masalah yang kecil menjadi masalah besar.

8. Perkara ini semakin disedari. Di Amerika, misalnya, ada kesatuan sekerja yang telah beransur-ansur mengubah sikap terhadap pengurusan dan memandang kerjasama sebagai cara yang paling 'logical' bagi kebaikan bersama. Tetapi, kesedaran ini hanya timbul setelah kemelesetan ekonomi menjejaskan industri-industri mereka dan pengangguran yang amat ketara melanda Amerika Syarikat.

9. Manusia tidak semestinya melalui peristiwa pedih sebelum insaf. Bagi kita di Malaysia pengalaman masyarakat dan negara lain harus memberi keinsafan dan mengukuhkan falsafah hidup kita yang mementingkan persefahaman dan kerjasama.

10. Bagi sesebuah negara membangun, daya pengeluaran yang tinggi setiap rakyat amat perlu bagi menjamin masa depan yang cerah dan berjaya. Tentulah kestabilan dan keselamatan menjadi faktor utama yang menyediakan 'environment' bagi peningkatan daya pengeluaran. Tetapi, kestabilan dan suasana keselamatan yang wujud tidak akan membawa kesan kepada daya pengeluaran jika rakyat tidak mempunyai orientasi dan sikap positif terhadap daya pengeluaran.

11. Semasa meneliti Dasar Pandang ke Timur satu perkara yang menarik ialah peningkatan pendapatan yang cepat di kalangan pekerja-pekerja di Korea, Jepun dan Taiwan. Sebenarnya pekerja di ketiga-tiga buah negara ini dahulu

mendapat pendapatan jauh lebih rendah daripada pekerja Malaysia di waktu yang sama. Tetapi, sekarang pendapatan mereka jauh lebih tinggi daripada pendapatan pekerja Malaysia. Apabila dikaji kita dapati bahawa pelaburan di ketiga-tiga negara ini meningkat dengan cepat kerana semua perusahaan mendapat keuntungan yang besar. Keuntungan yang besar ini disebabkan oleh produktiviti pekerja mereka yang tinggi. Apabila industri bertambah kerana untung, bilangan pekerja yang menganggur menurun sehingga syarikat-syarikat berebut-rebut untuk mengambil pekerja. Dalam keadaan ini gaji terpaksa dinaikkan supaya pekerja tertarik dengan tawaran syarikat. Lebih tinggi produktiviti, lebih untung syarikat, lebih banyak pelaburan, lebih banyak pula pekerja yang diperlukan -- dan lebih tinggilah gaji yang ditawarkan.

12. Sebaliknya di Eropah di mana tuntutan gaji tidak ada kaitan dengan produktiviti, perniagaan merosot dan pengangguran bertambah sepanjang masa.

13. Biasanya yang menjadi keutamaan kepada para pekerja ialah gaji yang lebih tinggi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Tetapi, gaji tinggi dan kemudahan, jika tidak selaras dengan daya pengeluaran yang meningkat, hanya akan memburukkan keadaan. Apabila gaji dinaikkan semuanya akan naik, dan yang akan menderita ialah orang yang berpendapatan rendah. Bagi mereka, mengikut pepatah Melayu, yang berlaku ialah "menang jadi arang, kalah jadi abu". Hanya dengan peningkatan daya pengeluaran yang tinggi sahaja yang akan menghalang inflasi mendahului kenaikan pendapatan. Saudara-saudari sekalian,

14. Kemelesetan ekonomi bukanlah alasan yang dibuat-buat untuk tidak berbuat sesuatu bagi kepentingan kakitangan awam. Kakitangan awam kita seharusnya berasa bertuah kerana di musim kemelesetan ekonomi inipun Kerajaan sentiasa membuat penelitian untuk memperbaiki lagi keadaan mereka.

15. Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan garis dasar mengenai memberi peluang-peluang naik pangkat daripada skim perkhidmatan dalam kumpulan rendah kepada skim perkhidmatan dalam kumpulan yang lebih tinggi, dengan mengutamakan pengalaman dan kebolehan. Dengan itu, lantikan ke kumpulan yang lebih tinggi tidaklah lagi berdasarkan hanya kepada kelayakan akademik. Misalnya, seseorang Pembantu Teknik dalam Kumpulan B boleh dilantik ke jawatan Jurutera dalam Kumpulan A sekiranya ia mempunyai pengalaman dan kebolehan bagi jawatan yang tinggi itu.

16. Peluang ini juga terbuka kepada mereka di dalam Kumpulan C dan D yang boleh dilantik ke jawatan dalam kumpulan yang lebih tinggi. Di sini saya ingin tegaskan bahawa mereka yang benar-benar berpengalaman dan berkebolehan sahaja yang berpeluang ditimbang oleh Kerajaan untuk menyandang jawatan dalam kumpulan yang lebih tinggi itu. Kebiasaannya, mereka yang berpengalaman ini adalah mereka yang telah berjaya untuk ditimbang bagi memegang jawatan Tingkatan Kanan, Tingkatan Khas, dan

Tingkatan Tertinggi bagi satu-satu jawatan itu. Justeru itu pekerja-pekerja awam hendaklah membuktikan kemampuan mereka menjalankan tugas masing-masing.

17. Sebagaimana saudara-saudari maklum, Kerajaan telah mengumumkan beberapa dasar baru setahun dua yang lalu. Salah satu yang menarik perhatian kesatuan-kesatuan sekerja ialah dasar pengswastaan beberapa perkhidmatan yang diuruskan oleh Kerajaan. Saya tidak hairan tentang kecurigaan sebahagian daripada ahli kesatuan sekerja mengenai perkara ini. Sudah tentulah ahli-ahli mengharapkan kesatuan melindungi kepentingan mereka. Ini adalah sesuatu yang dijangkakan, dan dengan itu Kerajaan juga mengharapkan kesatuan-kesatuan sekerja, seperti CUEPACS, MTSU dan lain-lain, sentiasa cuba mendapatkan penjelasan yang wajar mengenai dasar-dasar Kerajaan yang melibatkan kepentingan pekerja, dari masa ke semasa.

18. Seperti yang saudara-saudari maklum, kakitangan awam yang terlibat dalam urusan pengswastaan boleh memilih sama ada untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan, atau berkhidmat untuk majikan swasta yang baru. Inilah pilihan yang ada pada dasarnya, tetapi Kerajaan sedar bahawa bagi mereka yang terlibat, ada berbagai perkara lain yang terpaksa juga ditimbang. Atas kesedaran inilah Kerajaan terus membuat kajian dan semakan supaya kakitangan yang terlibat tidak mengalami kerugian.

19. Dengan semangat supaya seberapa ramai kakitangan yang terlibat tidak akan rugi, Kerajaan akan melancarkan dasar pengswastaan ini dengan penuh berhati-hati dan secara berperingkat-peringkat. Segala kelemahan peringkat awal akan dikaji dan diatasi. Tetapi, saya yakin, sebahagian daripada kakitangan yang terlibat akan mendapat keuntungan, sama ada dari segi kewangan, pengalaman baru atau kepuasan kerja dan cabaran baru.

20. Walaupun masalah permulaan atau 'teething problems' sudah tentu akan timbul, terutama dari kaca mata kesatuan-kesatuan sekerja, saya berharap kakitangan yang terlibat akan sentiasa memikirkan semangat atau 'spirit' dan tujuan Kerajaan dalam melaksanakan dasar ini, yang antara lainnya diharap akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, dan juga bagi meningkatkan kecekapan atau efisiensi menguruskannya. Seluruh rakyat, termasuklah kakitangan yang terlibat dan keluarga mereka, akan menikmati keuntungan daripada perkhidmatan yang baik. Sekiranya keuntungan kepada negara dan rakyat umum sentiasa difikirkan, saya yakin apa-apa masalah pelaksanaan dasar ini tidak akan menjadi isu dan persengketaan, tetapi akan dianggap sebagai beban dan cabaran bersama yang harus diatasi oleh Kerajaan, kesatuan-kesatuan sekerja dan pihak pengurusan badan-badan berkenaan secara teratur, tenteram dan menguntungkan semua pihak.

21. Dasar Pengswastaan sedang dilaksanakan. Kerajaan telah

memilih firma swasta bagi mengendalikan Rangkaian Ketiga TV. Sistem aerobus yang akan dilaksanakan di ibukota Kuala Lumpur juga akan diswastakan. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah perkhidmatan baru dan belum ada kakitangan awam yang terlibat. Ini adalah salah satu langkah berhati-hati Kerajaan, iaitu melaksanakan dasar ini dengan badan-badan baru yang tidak melibatkan kakitangan awam. Dengan cara ini kita dapat mempelajari dengan lebih mendalam selok-belok mengenai pengswastaan bagi menjamin kejayaannya.

22. Saya harap kesatuan-kesatuan akan lebih sensitif terhadap isu-isu yang sedang diperjuangkan, atau yang mendapat perhatian Kerajaan. Misalnya daya pengeluaran. Kesatuan sekerja merupakan salah satu institusi yang berpengaruh bagi menggalakkan ahli-ahli meningkatkan daya pengeluaran mereka. Kerajaan telah melancarkan Bulan Daya Pengeluaran Negara baru-baru ini, dan saya harap kesatuan-kesatuan sekerja akan memainkan peranan mereka bagi memupuk semangat meningkatkan daya pengeluaran atau hasil kerja setiap ahli masing-masing.

23. Daya pengeluaran yang lebih tinggi seharusnya mendapat sanjungan bukan sahaja oleh majikan, tetapi juga oleh rakan sekerja dan masyarakat. Faktor utama bagi mencapai cita-cita ini ialah kerajinan dan dedikasi, dan ianya harus dipupuk di kalangan setiap peringkat ahli kesatuan.

24. Memang pernah terjadi bahawa yang rajin itu kadang-kadang disindir atau dianggap tidak mengikuti norma kumpulan atau 'group'. Ini berlaku bukan sahaja dalam perkhidmatan awam, bahkan juga dalam firma swasta, dan ini sudah semestinya merugikan majikan, dan akhirnya pekerja-pekerja sendiri yang akan rugi. Di sinilah kesatuan-kesatuan sekerja dapat sama-sama berusaha untuk membawa kesan-kesan positif kepada peningkatan daya pengeluaran. Kesatuan-kesatuan sekerja mestilah bersama-sama memupuk nilai supaya kerajinan dimuliai dan dihargai di kalangan ahli-ahli. Dengan usaha bersama oleh semua pihak bagi menanam tabiat kerajinan ini, kita berharap daya pengeluaran negara kita akan meningkat dan kita akan mencipta satu era yang lebih cerah bagi semua.

Saudara-saudari sekalian,

25. Mengenai tuntutan-tuntutan oleh kesatuan-kesatuan sekerja perkhidmatan awam, saya difahamkan MTSU telah mengemukakan beberapa rayuan kepada Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya berharap, dengan hubungan rapat antara MTSU dan JPA, beberapa perkara yang tidak menjadi halangan kepada Kerajaan akan dapat ditimbangkan dari masa ke masa. Saya yakin, beberapa perkara yang dikemukakan telah difikirkan oleh Kerajaan, dan satu-dua tuntutan itu adalah di peringkat pertimbangan.

26. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada MTSU kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap hari ini. Dan dengan ini juga, saya dengan sukacitanya membuka Persidangan Dua Tahunan yang ke 17 MTSU ini dengan

rasminya.
Terima kasih.